

30 SEP 2001

Umno-Sabah

JELANI KEMUKAKAN RAYUAN KEPADA LEMBAGA RAYUAN UMNO

KOTA KINABALU, 30 Sept (Bernama) -- Ketua Umno bahagian Bandau, Jelani Hamdan akan mengemukakan rayuan terhadap keputusan Lembaga Displin parti yang menggantung beliau daripada memegang jawatannya selama tempoh satu penggal.

Beliau berkata surat rayuan yang mengandungi hujah-hujah pembelaan akan dihantar kepada lembaga rayuan parti dalam tempoh terdekat.

"Saya mempunyai hujah yang kukuh untuk membela diri terhadap dakwaan bahawa saya telah melanggar tata etika parti pada pemilihan peringkat bahagian pada 30 April lepas," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Jelani berkata beliau juga akan menghantar surat yang serupa kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menjelaskan keadaan yang sebenar.

Jelani, 36, lulusan undang-undang dari Universiti Islam Antarbangsa (UIA) mencipta sejarah dalam arena politik negeri apabila memenangi jawatan ketua bahagian dan ketua pemuda Umno bahagian Bandau pada pemilihan parti awal tahun ini.

Jumaat lepas, Lembaga Disiplin Umno mendapati beliau dan ketua Umno bahagian Silam Datuk Yusof Amat Jamlee bersalah kerana melanggar tata etika dan dengan itu, digantung hak memilih, dipilih dan dilantik untuk sebarang jawatan di dalam parti di bawah Fasal 6.2.2 Perlembagaan Umno selama tempoh satu penggal pemilihan di peringkat cawangan, bahagian dan Majlis Tertinggi, berkuatkuasa 14 Sept 2001.

Mereka adalah antara 13 orang anggota Umno di seluruh negara yang dikenakan tindakan oleh Lembaga Disiplin parti kerana melanggar tata etika parti pada pemilihan parti baru-baru ini.

-- BERNAMA

NT ZB